

Lumba kereta Tamiya tarikan Pesta Konvokesyen USIM

NILAI 29 Okt. - Orang ramai yang berkunjung ke Pesta Konvokesyen Kali Ke-13 yang dianjurkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mulai 6 hingga 9 November ini berpeluang menyertai dan memenangi hadiah menarik yang ditawarkan oleh penganjur bagi aktiviti Pertandingan Tamiya.

Pertandingan yang julung kali diadakan sempena Pesta Konvokesyen USIM itu akan diadakan pada 7 November di Pavilion USIM, Nilai, Negeri Sembilan.

Pertandingan akan bermula pada pukul 10.30 pagi dan akan berakhir pada pukul 5 petang.

Johan pertandingan bakal membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM500 beserta trofi manakala Naib Johan pula bakal membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM250 beserta trofi. Tempat ketiga bakal membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM100 beserta trofi.

Pemain terbaik juga bakal membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM800. Trofi sagu hati turut disediakan bagi 32 peserta teratas.



Yuran penyertaan sebanyak RM35 akan dikenakan ke atas setiap kereta peserta.

Bagi keselesaan peserta, pelbagai kemudahan asas disediakan oleh penganjur seperti tandas, surau, bilik persalinan dan ruang rehat.

Peserta juga boleh memperbaharui kad penggunaan kereta dengan bayaran RM5 sahaja di kaunter pembayaran yang disediakan.

Selain daripada itu, terdapat pelbagai gerai jualan disediakan sepanjang berlangsungnya Pesta Konvokesyen Kali Ke-13 USIM ini.

Naskhah akhbar *Utusan Melayu* turut diberikan secara percuma kepada pengunjung yang hadir.

Sebarang maklumat lanjut bolehlah menghubungi urus setia di talian 013-2557255 (Zaidi)/019-2552430 (Angah)/017-3910269 (Eddy) atau melayari Facebook [pestaikonvouisim](https://www.facebook.com/pestaikonvouisim).